

D596

U 8556 B A H
MAHATHIR - KERAJAAN

BUTTERWORTH, 2 4 JUN (BERNAMA) PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BAHAWA MEREKA TIDAK BERHAK MENYOAL DASAR-DASAR YANG DICADANGKAN OLEH KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT.

BELIAU BERKATA, PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN ANGGOTA PARTI POLITIK MESTI MEMAHAMI GARIS PEMISAH DAN HAK BIDANG KUASA ANTARA TUGAS MEREKA DALAM USAHA MENTADBIR NEGARA.

+PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN TIDAK PATUT MENYOAL KEPUTUSAN DAN DASAR-DASAR KERAJAAN SAMA ADA IA BAIK ATAU TIDAK, KERANA RAKYAT YANG AKAN MENENTUKAN PRESTASI PENTADBIRAN KERAJAAN SETIAP LIMA TAHUN SEKALI SEMASA PILIHAN RAYA UMUM,+ KATANYA.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN MASYARAKAT DI SEKOLAH MENENGAH DATUK ONN DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KADANG-KADANG TERDAPAT PEGAWAI KERAJAAN, YANG MEMPUNYAI PENDIRIAN POLITIK YANG BERLAINAN, CUBA +MENSABOTAJ+ USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

TINDAKAN SEPERTI INI AKAN HANYA MENJEJASKAN KELICINAN SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN DAN KESANNYA AKAN DIALAMI OLEH MASYARAKAT, KATANYA. -- LAGI.

1545MST 24 06 90

D597

U 5557 BAH
MAHATHIR - KERAJAAN 2 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA SEJAK MERDEKA ADALAH HASIL DARIPADA PERSEFAHAMAN YANG BAIK HENGENAI BIDANG KUASA DAN TUGAS-TUGAS ANTARA PEGAWAI KERAJAAN YANG MENTADBIR NEGARA DAN ANGGOTA-ANGGOTA POLITIK YANG MEMUTUSKAN DASAR-DASAR.

LEBIH 500 PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN MASYARAKAT MENGHADIRI MAJLIS ITU. YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI KESIHATAN SENATOR MOHAMED FARID ARIFFIN DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DATUK KAMARUZAMAN SHARIFF.

PERDANA MENTERI JUGA MELAHIRKAN RASA KESAL TERHADAP TINDAKAN SEGOLONGAN ORANG DI SEBUAH NEGERI YANG MENGANCAM, MENGUGUT DAN MENYOAL PARA PEGAWAI KERAJAAN YANG INGIN MENJALANKAN TUGAS MEREKA.

BELIAU MENINGATKAN PEGAWAI KERAJAAN BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU MELAYAN ARAHAN GOLONGAN ITU, YANG TIDAK MEMPUNYAI JAWATAN ATAU KAITAN DENGAN SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN.

+PARA PEGAWAI YANG DALAM KETAKUTAN ITU, TERPAKSA TUNDUK KEPADA PERINTAH ORANG-ORANG YANG TIDAK BERJAWATAN ITU SEHINGGAKAN MEREKA MENOLAK ARAHAN DARIPADA PERDANA MENTERI SENDIRI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA KEBEBASAN PARA PEGAWAI BERKENAAN UNTUK MENDENGAR HUJAH-HUJAH KERAJAAN TELAH DINAFIKAN. -- LAGI

1551MST 24 06 90

D598

U B558 B A H

MAHATHIR - KERAJAAN 3 BUTTERTWORTH

+KALAU **SEKUMPULAN ORANG-ORANG INI** SUDAH **DIPILIH** MASYARAKAT . . .
LAINLAH CERITA . . . TETAPI MEREKA **BELUM DIPILIH**, SUDAH TUNJUK SIKAP
KUKU **BESI+**.

KATANYA, SEMUA **PIHAK** YANG TERLIBAT DENGAN PENTADBIRAN KERAJAAN
HARUS MENGHARGAI GARIS PEMISAH ANTARA AHLI **POLITIK** DAN **PARA** PEGAWAI
PENTADBIR SUPAYA TIDAK BERLAKU SEBARANG KEKACAUAN DALAM JENTERA
PENTADBIRAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** MENEGASKAN PERLUNYA RAKYAT MEMBERI
MANDAT YANG KUAT KEPADA BARISAN **NASIONAL (BN) BAGI** MENERAJUI
KERAJAAN KERANA TINDAKAN ITU AKAN MENYUMBANG KE ARAH USAHA **MENTADBIR**
NEGARA DENGAN **LEBIH** BAIK.

KERAJAAN YANG MEMPUNYAI MANDAT YANG KUAT TIDAK PERLU TAKUT
MEMBUAT KEPUTUSAN ATAU DASAR-DASAR **BAGI MENTADBIRKAN** NEGARA WALAUPUN
TIDAK DIGEMARI **OLEH SEGOLONGAN KECIL MASYARAKAT**, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIANNYA MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN
TENGAH **HARI** DENGAN **PARA** PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN MASYARAKAT. --
BERNAMA.

1555MST 24 06 90